

# Tiada cukai baharu dalam masa terdekat

**KUALA LUMPUR 6 Okt.** - Kerajaan berkemungkinan besar tidak akan memperkenalkan cukai baharu pada tahun ini atau pun tahun hadapan.

Perkara tersebut didorong oleh keupayaan kerajaan pada ketika ini yang masih mampu menjana pendapatan serta mengawal kos perbelanjaan tahunan negara.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), **Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** menegaskan, cukai baharu hanya akan diperkenalkan jika berlakunya beberapa faktor besar seperti kejatuhan teruk harga minyak dunia.

“Faktor lain perang dagangan antara Amerika Syarikat (AS)-China dan pertumbuhan ekonomi dunia menjadi lebih merudum sehingga mengganggu pendapatan dari eksport negara.

“Selain itu, kerajaan tidak berjaya menjana cukup penda-

patan serta tidak dapat mengawal kos perbelanjaan tahunan seperti belanja mengurus dan belanja pembangunan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, TUN Dr. Mahathir Mohamad memberi bayangan yang kerajaan mungkin akan memperkenalkan cukai baharu pada masa hadapan.

Sementara itu, penganalisis ekonomi, **Dr. Abu Sofian Yaacob** tidak menolak kemungkinan kerajaan bakal melaksanakan semula cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang dijenamakan semula mengikut kesesuaian semasa.

Ujarnya, GST adalah sistem percukaian yang lebih telus berbanding cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan pelaksanaannya sebanyak tiga peratus sangat munasabah dalam membantu kerajaan serta mengurangkan beban rakyat.



**AHMED RAZMAN**



**ABU SOFIAN  
YAAQOB**